

SIDANG DUN NEGERI SEMBILAN

Dapat RM26j biaya kos operasi, urus Covid-19

Seremban: Sebanyak RM26.34 juta peruntukan disalurkan kerajaan Persekutuan kepada kerajaan Negeri Sembilan bagi membiayai kos pengoperasian dan pengurusan dalam menangani pandemik Covid-19 di negeri ini bagi tempoh Januari hingga Jun lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, daripada jumlah itu, RM6.84 juta disalurkan bagi Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) serta stesen kuarantin berbanding RM4.4 juta pada tahun lepas melalui Pejabat Daerah dan Tanah masing-masing.

“Selain itu, RM9.56 juta diagihkan untuk operasi pusat pemberian vaksin (PPV) yang mana sehingga Ogos lalu RM6.5 juta sudah dibelanjakan selain RM10 juta pula disalurkan bagi

Program Strategik Memperkasakan Rakyat dan Ekonomi dan pelaksanaan projek berskala kecil.

“Peruntukan itu susulan peningkatan kes yang mendadak dan meletakkan Negeri Sembilan dalam kedudukan lima teratas peningkatan kes harian untuk suatu tempoh sebelum ini, bagaimanapun dengan usaha serta komitmen berterusan, kita berjaya beralih ke Fasa Tiga Pelan Pemulihan Negara mulai 4 September lalu,” katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan **Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Gemencheh)** mengenai jumlah bantuan disalurkan kepada kerajaan negeri untuk membendung penularan Covid-19 pada persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) Negeri Sembilan, semalam.